

Petikan Kuntum-kuntum Bunga

Halaman ini kami hiasi dengan kuntum-kuntum bunga yang kami telah petik di sana sini. Kepada sesiapa yang meminatinya silalah pula menyuntingnya.

Pemuda yang kosong

Sepotong hadith nabi (S.A.W) ada berbunyi demikian:

Inna Allāh Ta'ālā yubghaḍu al-shābu al-fārighu

Ertinya; “Sesungguhnya Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* itu membenci pemuda yang kosong.”

Tahukah saudara apa sebabnya?

Kerana seorang pemuda, kalau tak disisi dengan kerja-kerja yang membawa kebaikan pada agama, nescaya bersaranglah syaitan di dalam hatinya lalu bertelur dan menetas di sana.

Kata Hussin al-Hallaj yang memaknakan maksud hadith tersebut demikian; itulah dirimu yang seandainya tak kau gunakan kepada kebenaran (yang hak) dia akan menggunakan engkau kepada kesalahan (yang batil)

* * *

Lelaki dan Perempuan

Saiyidina Umar Ibn Al-Khattab (ra) telah berkata:

Perempuan itu tiga macam;

1. Lemah lembut, sopan dan menolong

kehidupan keluarganya.

2. Tak mahu menolong keluarganya. Hanya menjadikan

dirinya wadah (bejana) penampung anak.

3. Hanya merupakan belunggu yang mencangkam – yang

dibebankan oleh Allah kepada siapa-siapa yang dikehendaknya atau

melepaskannya daripada siapa-siapa yang dikehendaknya.

Dan lelaki pun ada tiga macam;

1. Lelaki yang mempunyai akal dan fikiran.

2. Lelaki yang seandainya sedang dalam kerumitan

didatanginya orang yang berakal fikiran untuk meminta

nasihatnya.

3. Lelaki yang bingung fikirannya kelim kabut, tak mahu

bertanya orang yang pandai dan tak mahu ikut orang

yang memberi pertunjuk.

* * *

Orang yang paling tepat firasatnya.

Diceritakan dari Ibn Mas'ud katanya:

Orang yang paling tepat firasatnya tiga orang;

1. Aziz Mesir (seorang pembesar negeri Mesir)

Ketika terpanjang sahaja kepada Nabi Yusuf berkatalah ia

kepada isterinya (Zulaikha); “Muliakanlah darjatnya mudah-mudahan

ada gunanya kepada kita, atau kita ambil dia menjadi

anak angkat.”

2. Anak perempuan Nabi Syu'aib– ketika berkenalan

dengan Nabi Musa yang telah menolong memberikan minum kambing-kambingnya

- berkatalah ia kepada ayahnya. “Wahai ayahku! Ambillah

orang muda itu bekerja, kerana sebaik-baik orang yang diupah

untuk bekerja itu ialah yang kuat lagi dipercayai.”

makanan, sepertiga untuk minuman, sepertiga untuk bernafas.”

Orang-orang Arab menamakan “kekenyangan” itu “bapa-kekufuran”.

Mereka juga mengatakan, janganlah perutmu itu engkau jadikan gedung syaitan beranak pinak di sana sesuka-sukanya.

Al-Imam Al-Qurtubi mengatakan; tak ada perkara yang harus tetapi tak disukai oleh Allah melainkan dua sahaja iaitu “talak” dan “kekenyangan”.

Setengah ulama mengatakan; mula-mula bida'ah yang timbul selepas wafatnya Rasulullah (S.A.W) ialah “kekenyangan”.

Ibrahim bin Adham mengatakan, menderhakai Allah akan terjauh kerana berlapar, dan akan dekat kerana kekenyangan.

Imam Al-Ghazali pula mengatakan; berlapar itu mengandungi sepuluh macam faedah:

1. Menjernihkan hati.
2. Melembutkannya.
3. Mengingatkan orang-orang lain yang kelaparan.
4. Teringatkan bahawa di Hari Kiamat kelak akan merasakan kelaparan dan dahaga.
5. Mematahkan syahwat yang membawa musibah.
6. Menolak kantuk.
7. Memudahkan beribadat.
8. Menyihatkan badan.
9. Memadai dengan yang sedikit.
10. Mensedekahkan barang yang berlebih-lebihan.

* * *

Para ulama dari Sahabat-sahabat Nabi (S.A.W)

Masruk bin Al-Ajda al-Hamdani meriwayatkan katanya; Saya dapati ilmu pengetahuan yang berada pada Sahabat-sahabat Nabi

itu telah terhenti kepada enam orang;

1. Umar Bin Al-Khattab, 2. Ali Ibn Abi Talib,
3. Abdullah Bin Abbas, 4. Mua'dz bin Jabal, 5. Abi al-Darda'
6. Zaid Bin Thabit

* * *

Warisan yang berbahaya

Sebuah hadith sharif menyebutkan;

Bahawasanya Nabi (S.A.W) telah menegah menyusukan kepada perempuan yang *ahmaq* dengan sabdanya berbunyi.

Lā tastarī du 'uwā al-ḥamqā', fa inna al-waladu yanza 'u ilā

al-laban

Ertinya, “Jangan kamu susukan anak kepada

perempuan-perempuan yang *ahmaq* (kurang fikiran), kerana anak itu akan terbawa-bawa oleh susunya.”

Abdul Malik bin Marwan mengatakan. “Jauhilah olehmu daripada menyerahkan asuhan kepada perempuan yang *ahmaq* dan menyusukan kepada perempuan yang *ahmaq*.”

Ahli-ahli pentarikh Arab mengatakan; kami tak nampak seorang ibu yang *ahmaq* orangnya selain dari dua orang yang masing-masing melahirkan anak yang terkenal dalam sejarah iaitu;

1. Ibunya Nu'man ibn Mundhir- salah seorang raja di Jazirah Arab

2. Ibunya Hisham ibn Abdul Malik bin Marwan- salah seorang khalifah Bani Umayyah.

Adalah dikatakan; bahawa yang menyebabkan kecerdikan Al-Hasan Al-Basri ialah kerana ibunya telah mendatangi Ummu Salamah- isteri nabi (S.A.W) - dengan membawa Al-Hassan Al-Basri tersebut dan ia telah disusukan oleh Saiyidatina Ummu Salamah, maka ia telah dapat mewarisi ilmu pengetahuan dan kefasihan (kelancaran bercakap).

3. Saiyidina Abu Bakar ketika berwasiat supaya

Saiyidina Umar Ibn Al-Khattab kelak menggantikannya menjadi Khalifah.

* * *

Sebaik-baik pemberian yang diberikan kepada seseorang.

Seorang telah bertanya kepada Abdullah bin Al-Mubarak Katanya; Apakah sebaik-baik pemberian yang diberikan kepada seseorang?

Dijawabnya; Akal.

Yang bertanya; Kalau tak da?

Dijawabnya; Adabnya yang baik.

Yang bertanya; Kalau tak da?

Dijawabnya; Membisu panjang.

Yang bertanya; Kalau tak da?

Dijawabnya; Sahabat yang baik tempat minta nasihat.

Yang bertanya; Kalau tak da?

Dijawabnya; Mati cepat-cepat.

* * *

Imam yang mendengarkan kata kanak-kanak

Pada suatu hari Imam Malik masuk ke masjid. Bila beliau telah sembahyang asar tidak lagi sembahyang sunat selepasnya- mengikut yang dijadikan ketetapan olehnya (mazhabnya). Tiba-tiba seorang kanak-kanak telah berkata kepadanya; Tuan sembahyanglah! Beliau pun sembahyang.

Orang pun bertanya kepadanya; Mengapa tuan menyalahi mazhab tuan?

Beliau menjawab; saya takut termasuk kepada golongan orang-orang bila mana di suruh “sembahyanglah kamu” tetapi mereka tak mahu sembahyang.

* * *



Al-Amir Faisal bin Abdul Aziz Al-Saud¹ Putera Mahkota dan Perdana Menteri kerajaan ‘*Arabiyyah Sa’ūdiyyah* yang sekarang memegang tampuk pemerintahan sesudah beberapa tahun “berehat”. Beliau terkenal seorang yang ramah dan cenderung di dalam usaha-usaha perbaiki negara dan perkembangan-perkembangan umat.

Perkara yang harus (mubah) tetapi tak disukai (makruh).

Dalam sebuah hadith sharif tersebut demikian;

Mā malā’ ibn Ādam wi’ā’ sharrā min baṭnihi ḥasbi ibn Ādam liqiyamāt yuqimna ṣulbahu fa in kāna wa lā budda, fa thuluthu lil ta’ām wa thuluthu lil sharāb wa thuluthu lil nafsi.

Ertinya; Tak ada suatu tempat yang paling celaka kalau diisi penuh-penuh oleh anak Adam melebihi dari perutnya. Disangkakan oleh anak Adam, itu hanya beberapa suap yang akan menegakkan tulang salbinya (belakangnya). Kalau ternyata memang perlu, anggarkanlah (isinya) sepertiga untuk

¹ Perkataan sebenar ialah Faisal bin Musaid bin Abdulaziz Al Saud